



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 3 OKTOBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PERTIMBANG BERI SEMULA KEBENARAN EKSPORT AYAM, LOKAL, HM -19 SIN CHEW DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	KRISIS BEKALAN TELUR BULAN DEPAN?, DALAM NEGERI, UM -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	LEPAS 15,000 BENIH IKAN DI SUNGAI SERTING, KOMUNITI KITA, UM -33	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6. 7.	MADA AKTIFKAN PELAN BANJIR, LOKAL, HM -22 FLOOD PLAN FOR MUDA AREA ACTIVATED, NATION, THE STAR -7 MADA ACTIVATES FLOD PREPAREDNESS PLAN AHEAD OF LA NINA, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -6	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9.	PAKEJ MEJANISASI LADANG TINGKAT HASIL KELEDEK, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -H14 KELEDEK TEMPATAN DIEKSPORT KE SINGAPURA, HONG KONG, PERIKATAN NASIONAL, HARAKAH -H14	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10. 11. 12. 13.	SIN CHEW DAILY -ONLINE GOLONGAN PETANI HARAP DAPAT BANTUAN BERSASAR, NEGARA, KOSMO -6 CARA LAMA TANAM PADI, LOKAL, HM -2 CENDAWAN TIRAM UPM SUBUR DI BAWAH PANEL SOLAR, K2, KOSMO -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Pertimbang beri semula kebenaran eksport ayam

**Jasin:** Kerajaan akan mempertimbangkan untuk memberi semula kebenaran mengeksport ayam ke luar negara berikutan bekalan dalam pasaran negara kembali stabil selain pengeluarannya melebihi permintaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata pengumuman mengenai perkara itu, dijangka dibuat pada masa terdekat dalam bulan ini.

"Kementerian sudah pun berjaya menyelesaikan apa jua aduan dan rungutan orang ramai berkaitan isu kekurangan ayam dan telur yang dihadapi sebelum ini, dan pada masa kini bekalannya sudah berlebihan.

"Perkara ini telah diteliti di peringkat kementerian setelah menerima permohonan daripada penternak," katanya.

Terdahulu beliau menyempurnakan majlis penyerahan Bantuan Program Rezeki Ternak Unggas dan Projek Pertanian Organik Peringkat Parlimen Jasin yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Merlimau Dr Muhammad Akmal Salleh dan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Hamid.

Mengulas lanjut Ahmad berkata ketika ini tahap sara



*Kementerian sudah pun berjaya menyelesaikan apa jua aduan dan rungutan orang ramai berkaitan isu kekurangan ayam dan telur yang dihadapi sebelum ini"*

**Ahmad Hamzah**

diri (SSL) untuk ayam ialah 104 peratus, manakala SSL bagi telur adalah 115 peratus dan melepasi permintaan dalam negara.

Katanya sebelum ini kerajaan hanya membenarkan sebanyak 3.6 juta ekor ayam di eksport ke luar negara sebelum dihentikan pada 1 Jun lalu, bagaimanapun jumlah sebenar yang dibenarkan selepas ini akan diketahui dalam pengumuman yang dibuat.

"Jadi kita tunggu sahajalah kerajaan akan umumkan mengenai perkara ini sedikit masa lagi," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi akan meneliti untuk menetapkan harga siling ayam dan mengkaji untuk membenarkan produk tersebut di eksport semula.



阿末弗查（第二排左四）副农业部长阿金路野新农民，左三为阿克里茂州议员阿克里茂（马新社照片）

# 副農長：產量超過需求 肉雞出口或月內解禁

（马六甲2日讯）农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末弗查表示，政府正在考虑解除肉鸡出口禁令，因为国内肉鸡供应稳定，除了产量超过需求，并预计本月会有所宣布。他指出，农业部已经解决了与

肉鸡和鸡蛋短缺问题相关的任何公众投诉都不满，目前这些供应处于过剩状态，因此，该部门在收到农场申请后已经就此事进行调查。

他说，国内目前的肉鸡日均自足率（SSL）为104%，鸡蛋则为115%，已经超过了国内的市场需求。也是野新国会议员的前所未有

查，昨日出席该国会选区爆发的农业援助活动后向记者表示，早前政府只允许出口360万只鸡，并从6月1日起禁止出口。

此前，有媒体报道称，打击通胀特工作组将研究设定肉鸡的最高价格，并针对允许鸡肉在出口进行研究。

# Krisis bekalan telur bulan depan?

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamajalaz.com.my

**PETALING JAYA:** Negara dijangka berdepan krisis telur ayam menjelang bulan November dan Disember nanti berikutan bekalan semasa sumber protein itu kini menyusut antara 20 hingga 25 peratus daripada keperluan 30 juta biji sehari sejak dua bulan lalu.

Berdasarkan maklumat pemin-pemain gergasi industri pengeluaran telur, jika tidak ditangani segera, kekurangan bekalan boleh mencecah sehingga 40 peratus dan pengguna akan sukar mendapatkan telur sehingga tempoh sebulan.

Sumber industri mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, rakyat memerlukan kira-kira 30 juta biji telur sehari atau satu bilion biji sebulan di seluruh negara.

Menurut beliau, jika bekalan telur merosot 40 peratus atau hanya 600,000 biji sahaja berada dalam pasaran dalam tempoh dua bulan terakhir itu, ia akan memberi kesan buruk kepada hampir seluruh rantau sektor makanan dan isi rumah.

"Dalam musim perayaan, biasanya permintaan naik mendadak, namun jika berlaku kekurangan bekalan telur, ia bukan saja meningkatkan harga produk itu tetapi juga harga produk lain yang ada kaitan dengan telur ayam," katanya.

Sumber itu berkata, punca krisis berlaku kerana ekosistem industri telur ayam negara sekarang ini dikawal oleh lima syarikat pengeluar induk ayam penelur utama dan mereka kini berdepan kekurangan induk ayam penelur.

Katanya, kelima-lima syarikat

kat pengeluar induk ayam penelur ini mengedarkan anak ayam kepada 260 ladang telur yang beroperasi seluruh negara.

Sumber berkata, masalah mula timbul sejak beberapa bulan lalu apabila majoriti ladang ayam telur mengadu kos pengeluaran telur terlalu tinggi dan sistem kawalan harga kerajaan yang terlalu ketat selain masalah subsidi tiga sen yang terlalu rendah.

"Kenapa bekalan telur sekarang kurang? Sebab ayam yang nak dikeluarkan telur itu kurang. Di Malaysia, hanya ada lima syarikat besar yang mengeluarkan stok ayam penelur di seluruh negara.

"Subsidi pula asalnya dicadangkan enam sen tetapi yang diluluskan kerajaan cuma tiga sen. Jadi, kurang lagi tiga sen. Maka sebab itulah penternak-penternak ayam telur marah, kenapa subsidi itu sikit," soalnya.

Dalam pada itu, sumber berkata penternak ayam telur sekarang mengalami kerugian akibat sblm kawalan harga kerajaan.

"Mereka rugi sebab harga dikawal kerajaan dan harga kawalan itu terlalu rendah dan tidak dapat ditampung dengan subsidi. Sebab itu mereka minta subsidi ini dinaikkan lagi sedikit, naik lagi dua ke tiga sen," katanya.

Dalam pada itu, setakat ini sumber menafikan penternak seangaja mengurangkan bekalan telur sebagai langkah memeras dan mensabotaj kerajaan, namun menggesa sesi libat urus rentas Kementerian dilakukan secara konsisten bagi mencari jalan penyelesaian terhadap krisis tersebut.

"Kekurangan telur ini bukan sebab sabotaj atau tidak. Apa-



**MASALAH** kekurangan bekalan telur pernah berlaku pada awal tahun ini dan dijangka berulang pada bulan depan berpunca daripada isu subsidi dan kos pengeluaran yang meningkat.

bila penternak mengalami kerugian, maka mereka mengurangkan populasi ayam.

"Contoh macam ayam telur ini, tempoh pemeliharaannya sampai 70 minggu. Tapi bila mereka (penternak ayam telur) dah tanggung banyak kerugian, jadi mereka 'pencenkan' awal ayam-ayam telur itu. Maknanya 55 minggu ke 60 minggu itu mereka dah hentikan pengeluaran, sebab tak mahu tanggung kerugian.

"Sebab dalam tempoh 50 minggu ke atas, peratus pengeluaran telur itu memang menurun. Ayam telur ini mula bertelur pada umur empat bulan, lebih kurang 16 minggu. Bertelur sampai umur 70 minggu. Pengeluaran telur itu makin kurang sedangkan, makanan yang diberikan sama banyak. Jadi mereka hentikan awal-awal sebab dah rugi. Itulah semarinya," katanya.

## Lepas 15,000 benih ikan di Sungai Serting

**SEBANYAK 10,000 benih ikan lampam sungai dan 5,000 benih ikan baung dilepaskan ke dalam Sungai Serting pada Program Pesta Air dan Sukan Rakyat Sempena Hari Malaysia Peringkat Kampung Dato Johan, Jempol, Negeri Sembilan, baru-baru ini.**

Kesemua benih ikan itu disumbangkan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan yang bertujuan memulihara dan memperkaya spesies ikan asli di sungai.

Pelepasan benih-benih ikan itu juga diharap dapat menyokong pembangunan industri perikanan rekreasi supaya dapat dinikmati generasi akan datang.

Selain dihadiri masyarakat kampung, acara tersebut disertai kepimpinan setempat termasuk Ahli Parlimen Jempol, Datuk Seri Mohd. Salim Mohd. Sharif dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serting, Datuk Shamsulkahar Mohd. Deli.

■ **MOHD. Salim Mohd. Sharif** (dua dari kanan) melepaskan benih ikan sumbangan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan di Sungai Serting pada Program Pesta Air dan Sukan Rakyat Sempena Hari Malaysia Peringkat Kampung Dato Johan, Jempol, Negeri Sembilan, baru-baru ini.



## HADAPI LA NINA

# Mada aktifkan pelan banjir

Oleh Noorazura Abdul  
Rahman  
am@hmetro.com.my

## Alor Setar

**L**embaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) mengaktifkan pelan persediaan banjir Kawasan Muda bertujuan menghadapi fenomena La Nina yang dijangka bermula hujung tahun ini.

Pengerusinya, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pihaknya berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi dalam memastikan semua infrastruktur pengairan dan saluran serta kelengkapan lain berada dalam keadaan baik.

Katanya, ramalan cuaca bagi September 2022 hingga Februari 2023 yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia menunjukkan jangkakan kitaran atmosfera berlaku di kawasan tropika, konsisten dengan keadaan La Nina.

"Ramalan menunjukkan bermula bulan ini hingga Februari tahun hadapan, Kedah dijangka menerima taburan hujan purata antara 290 milimeter hingga 440 milimeter



*Sehingga hari ini, paras air di Empangan Mada adalah mencukupi iaitu di Pedu pada kadar 98.27 peratus, Muda (99.16 peratus) dan Empangan Ahning (83.85 peratus)"*

**Ahmad Tarmizi**

manakala Perlis antara 200 hingga 300 milimeter.

"Kawasan Muda berkeungkinan menerima hujan lebat di kawasan empangan, sungai dan sawah dan ia bo-

leh menyebabkan penambahan air di empangan, peningkatan aliran sungai dan kenaikan kedalaman air di sawah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Ahmad Tarmizi berkata, dalam menghadapi kemungkinan banjir, Mada sentiasa mengutamakan kepentingan awam serta penanaman padi dalam menguruskan lebihan air akibat hujan.

Katanya, operasi saluran air banjir adalah melalui infrastruktur utama sedia ada yang membabitkan sistem Arau, sistem Lanabulu, sistem Alor Changileh, Pelubang Barrage serta Tandop Pasang Surut Ampang Jajar.

"Melalui perancangan awal ini, adalah diharap kerosakan harta awam dan padi dapat diminimumkan dengan kesulitan kepada peladang dapat dikurangkan sekiranya banjir melanda Kawasan Muda.

"Sehingga hari ini, paras air di Empangan Mada adalah mencukupi iaitu di Pedu pada kadar 98.27 peratus, Muda (99.16 peratus) dan Empangan Ahning (83.85 peratus)," katanya.

## Flood plan for Muda area activated

**ALOR SETAR:** The Muda Agricultural Development Authority (Mada) has activated the Muda Area Flood Preparedness Plan to deal with the north-east monsoon that is expected to be exacerbated by the La Nina phenomenon at the end of this year.

Its chairman Ahmad Tarmizi Sulaiman said Mada would manage the excess water due to rainfall in accordance with the standard operating procedure set in the interest of the public and rice farming in the area.

"Forecasts show that from September 2022 to February 2023, Perlis will receive an average rainfall of between 200mm and 300mm and in Kedah, 290mm and 440mm.

"Based on this, the Muda area is likely to receive heavy rainfall in the dam catchment area, river catchment area and padi growing areas which will cause water levels and river flow to increase," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

He said Mada would ensure that irrigation and drainage infrastructure was functioning well and that assets such as boats, pumps and other equipment and machinery were in good condition.

Meanwhile, two temporary evacuation centres (PPS) were opened in Johor involving the Pontian and Kluang districts following two hours of heavy rain since 10am yesterday.

A district disaster management committee in a statement said that as at 4pm yesterday, 75 victims from 26 families were transferred to the PPS after their houses were flooded.

3/10/2022

THE SUN

NEWS

WITHOUT  
BORDERS

6

## Mada activates flood preparedness plan ahead of La Nina

**ALOR STAR:** The Muda Agricultural Development Authority (Mada) has activated the Muda Area Flood Preparedness Plan to deal with the "La Nina" weather phenomenon that is expected at the end of this year.

Its chairman Ahmad Tarmizi Sulaiman said Mada will manage excess water due to rainfall in accordance with standard operating procedures set in the interest of the public and rice farming in the area.

"Forecasts show that from September 2022 to February 2023, Perlis would receive an average rainfall of between 200mm and 300mm, while Kedah would receive between 290mm and 440mm. Based on this, the Muda area is likely to receive heavy rainfall in the dam and river catchment areas as well as the padi growing areas, which will cause water levels to (rise)," he said yesterday, adding that Mada will

ensure the irrigation and drainage infrastructure is functioning properly and other related assets such as boats, pumps, equipment and machinery are in good working order.

"Mada is aware of current weather (conditions) and is in a state of readiness in the event of floods as forecast by the Meteorological Department and the Department of Irrigation and Drainage."

He said floodwater drainage

operations will be (carried out primarily) via the the Arau System, Lanabulu System, Alor Changlieh System, Pelubang Barrage and Ampang Jajar dam.

Ahmad Tarmizi said with these plans and preparations, it is hoped that damage to public property, rice growing areas and farms can be minimised if flooding occurs in the Muda area.

"So far the water level at the Pedu

Dam stands at 859,625 million cubic metres, or 98.27%, the Muda dam stands at 123,950 million cubic metres, or 99.16%, while the Ahning dam stands at 186,979 million cubic metres, or 83.85%.

"Farmers in the Muda area are encouraged to contact the nearest farmers' organisation if they have any questions. Mada is always ready to help make rice growing a success," he said. - Bernama





Menteri Ahmad menyempulakan bimbingan peralihan M4T kepada seorang pengusahawan.

## Pakej mekanisasi ladang tingkat hasil keledek

**BACHOK.** Penanaman keledek yang diusahakan secara kecil-kecilan petani di luar bandar dapat dipertingkatkan dengan pelaksanaan pakej mekanisasi ladang.

Tindakan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I. Dairi/ Seri Hanzab Ahmad berkata, kesalah faham memikul kos input pertanian yang tinggi.

Katanya pakej mekanisasi mampu meningkatkan produktiviti pengeluaran, pendapatan dan taraf hidup petani.

"Hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran keledek secara komersil menerusi pelaksanaan pakej mekanisasi ladang selaras dengan Dasar Agroteknologi Negara 20 (2019-2030).

Selain itu memberi penerangan mengenai pakej pertanian moden kepada petani, khususnya berkaitan 'import' teknologi pada pelaksanaan Tana Man Ubi Keledek serta Lawatan Pilot Penyelidikan Bawang di Mardi Bachok Kuamais Jeras.

Hadir sama Timbalan Exco Kerajaan Negeri, Abdul Azizi Kadir dan Ketua Pengarah MARDI, Dato Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani.

MARDI membangunkan pakej mekanisasi ladang dan baja fertisasi bagi pengeluaran keledek.

Menurus, pakej terbahir penggunaan jentera serta teknologi terkini sejak penanaman sehingga proses pengutipan hasil ubi tersebut.

Ita dijangka dapat mengurangkan kos operasi di ladang sehingga 50 peratus berbanding kos operasi secara manual.

Timbalan Exco Kerajaan Negeri, Abdul Azizi Kadir, Dr Mohamad Zabawi bertaka, teknologi yang

dibangunkan boleh digunakan alternatif bagi petani untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Malaysia berada pada kedudukan 50 sebagai pengeluar komoditi keledek dunia dengan jumlah pengeluaran sebanyak 56,323 metrik tan pada tahun 2020.

Kediri Sara Biri (SBR) juga belum mencapai 80 peratus namun negara masih bergantung kepada bekalan keledek luar negara.

Industri keledek tempatan mendapat permintaan tinggi di mana dieksport ke Singapura, Hong Kong dan Emiriah Arab Bersatu.

## Keledek tempatan dieksport ke Singapura, Hong Kong

**BACHOK.** Terbut penyemburan drone serta mesin penual, katanya pada majlis Pelancaran Tana Man Ubi Keledek serta Lawatan Pilot Penyelidikan Bawang di Mardi Bachok Kuamais Jeras.

Penerangan itu disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I. Dairi/ Seri Hanzab Ahmad, badii tersebut terus berdaya saing.

Katanya, menerusi pakej terbahir penggunaan jentera serta teknologi terkini sejak awal penanaman sehingga proses penutipan hasil.

Dengan penggunaan pakej tersebut 80 peratus petani di ladang dapat meningkatkan sehingga 50 peratus berbanding kos operasi secara manual.

"Ita melibatkan mesin penabur baja organik, mesin pembuat batas, mesin penanam, pe-



Keledek yang ditamatkan petani tempatan.

|| 槟城第二大桥坠海 35岁华男生死未卜 | 展开精简行动 英王室新核心4人组曝光

首页 | 最新 | 头条 | 国内 | 国际 | 言路 | 财经 | 地方 | 副刊

国内 » 即时国内

1:37pm 02/10/2022

字 - +

## 考虑解除鸡肉出口禁令 副农长：本月会宣布

👁 1000点阅



阿末韩查指出，农业部已经解决了与鸡肉和鸡蛋短缺问题的公众投诉和不满，目前这些供应处于过剩状态。（马新社照片）

（马六甲2日讯）农业及农基工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，政府正在考虑解除鸡肉出口禁令，预计本月会有所宣布。

他说，这是因为国内鸡肉供应稳定，产量已经超过需求。

阿末韩查指出，农业部已经解决了与鸡肉和鸡蛋短缺问题的公众投诉和不满，目前这些供应处于过剩状态。

他说，国内目前的鸡肉自给自足率（SSL）为104%，鸡蛋则为115%，已经超过了国内市场需求。

也是巫统野新区国会议员的阿末韩查昨日出席该国会选区颁发的农业援助活动后向媒体表示，早前政府只允许出口360万只鸡，并从6月1日起禁止出口。

此前，有媒体报道称，打击通胀特工队将研究设定鸡肉的最高价格，并针对允许鸡肉在出口进行研究。



阿末韩查（第二排左四）颁发农业援助计划金给野新农民，左三为万里茂州议员阿克马。（马新社照片）

🍗 鸡肉 🚫 出口禁令

## 国内热门

6小时

24小时

[哪家FD利率最高？10月份银行定期存款优惠一次看](#)

# Golongan petani harap dapat bantuan bersasar

**MENJELANG**

**BAJET**

**2023**

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Rata-rata petani dan petani di daerah ini berharap kerajaan dapat meneruskan bantuan secara bersasar berjumlah RM300 hingga RM500 yang diterima semasa musim pandemik Covid-19 baru-baru ini.

Bantuan itu perlu diberikan kenaikan kos input tanaman seperti baja, racun, peralatan pertanian dan dedak ternakan menyebabkan golongan petani dan penternak terbebani ketika ini.

Seorang petani sayur-sayuran, Mohd. Nor Zamzuri Mohd. Ramli, 56, berkata, sejak pandemik Covid-19 melanda, mereka berdepan masalah kekurangan pendapatan kerana bergelut untuk memasarkan hasil pertanian serta harga yang tidak menentu.



**MOHD. NOR ZAMZURI menyiapkan polibeg untuk tanaman sayur-sayuran di Taman Agropolitan, Rantau Manis, Gua Musang semalam.**

Katanya, masalah semakin rumit apabila mereka terkesan berikutan kenaikan berterusan harga peralatan pertanian sekaligus menyebabkan kerugian.

"Selain racun, harga baja dan peralatan tanaman turut menunjukkan peningkatan. Oleh

itu, saya berharap kerajaan meneruskan bantuan secara bersasar kepada golongan petani.

"Hasil keuntungan yang kami peroleh berkurangan dan ada yang terpaksa menanggung kerugian atau hanya sekadar balik modal," katanya ketika

ditemui di kebunnya di Taman Agropolitan Rantau Manis di sini semalam.

Sermentara itu, seorang lagi petani, Mohd. Faisal Mohd. Fadhi, 38, berkata, sejak kebelakangan ini dia terpaksa berbelanja lebih RM1,000 sebulan

bagi membeli racun rumpai, baja dan peralatan pertanian.

Katanya, harga yang semakin meningkat membebani petani yang perlu menggunakan input pertanian tersebut.

"Saya harap kerajaan dapat membantu para petani dengan memberi bantuan modal atau bantuan tunai untuk kami meneruskan aktiviti pertanian fertisasi ini," katanya.

Seorang penternak ayam kampung, Ahmad Kamizi Jali, 55, pula berkata, golongan penternak juga semakin terhimpit berikutan harga dedak makanan ternakan meningkat sejak tahun lalu.

Katanya, harga dedak yang diperolehnya lebih RM3 sekilogram, ketika ini.

"Kami berharap kerajaan membantu dengan memberi bantuan kewangan atau mengawal harga dedak makanan yang semakin meningkat.

"Harga makanan ternakan yang semakin meningkat menyebabkan kami terpaksa menanggung peningkatan kos. Selain itu, ada antara kami juga terpaksa mengurangkan bilangan ternakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/10/2022	HARIAN METRO	LOKAL	2



## CARA LAMA TANAM PADI

PESAWAH Azhari Ibrahim, 55, melakukan proses menabur benih padi secara tradisional menggunakan tangan ketika tinjauan di Kampung Kubang Parit, Kuala Terengganu. Lazimnya, golongan petani pada zaman serba moden ini menggunakan kaedah teknologi seperti menggunakan dron dan mesin untuk menabur benih padi sawah. Namun, sebahagian penduduk di daerah ini masih menggunakan kaedah tradisional.





DR. MOHAMMAD EFFENDY

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

**S**ELEPAS kejayaan penanaman 25,000 poli beg pokok misai kucing di Ladang Solar Photovoltaic (PV) di Puchong, Selangor, Mei lalu, pengkaji Universiti Putra Malaysia (UPM) tampil dengan projek terbaharu.

Ia melibatkan penanaman cendawan tiram di bawah panel solar PV menerusi kaedah agrivoltaic sejak dua bulan lalu.

Projek melibatkan pengkaji dan pelajar Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains serta Fakulti Pertanian, UPM itu merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini.

Pengarah Projek Agrivoltaic, Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob berkata, ia kesinambungan daripada penanaman pokok herba misai kucing yang diperkenalkan sebelum ini.

Katanya, faktor utama pihaknya memilih tanaman cendawan tiram adalah waktu tuaiannya lebih cepat iaitu kurang 10 hari berbanding tanaman lain.

"Idea ini diperolehi daripada kegagalan beberapa pengusaha ladang solar yang cuba menanam cendawan tiram di bawah panel solar.

"Saya tidak tahu di mana silapnya, usaha penanaman cendawan di bawah panel solar PV sebelum ini menemui



TERDAPAT 1,200 bongkah cendawan tiram diletakkan di bawah panel solar PV.

## Cendawan tiram UPM subur di bawah panel solar



CENDAWAN tiram dijual dengan nilai pasaran sekitar RM24 sekilogram.

kegagalan. Ia mungkin berpunca daripada suhu tidak sesuai dan masalah penjagaan.

"Bermodalakan RM10,000, kami berjaya membuktikan cendawan tiram boleh tumbuh dan hidup di bawah panel solar PV.

"Kini, kami mempunyai hampir 1,100 bongkah cendawan," katanya ketika ditemui bual iGen baru-baru ini.

Cendawan tiram atau nama saintifiknya, *Pleurotus ostreatus* merupakan salah satu kulat yang ditanam secara komersial di seluruh dunia sebagai sumber makanan.

Cendawan yang sering digunakan dalam masakan China dan Jepun itu

mempunyai permintaan dan dinilai pasaran tinggi dengan harga purata sekitar RM24 sekilogram.

Dr. Mohammad Effendy memaklumkan, cendawan tiram yang ditanam di bawah panel solar PV mempunyai beberapa kelebihan berbanding persekitaran normal.

Ujarnya, ia tidak memerlukan modal permulaan besar seperti rumah khas.

"Tanam di bawah panel solar ini dapat jimat kira-kira 30 peratus berbanding dalam rumah khas. Ini kerana, di bawah panel solar, semua sudah ada, cuma perlu letak rak untuk meletakkan bongkah dan jaring hitam bagi mewujudkan suasana lebih redup," ujarnya.

Katanya, salz cendawan tiram yang ditanam di ladang solar juga lebih besar berbanding persekitaran normal, disebabkan faktor tekanan haba tinggi di bawah panel.

Jelasnya, pihaknya turut mendapati, dengan adanya tanaman seperti cendawan tiram di bawah panel PV, ia dapat membantu menyerap suhu persekitaran.

"Teknologi ini mewujudkan 'situasi menang-menang'. Cendawan tumbuh lebih besar, sementara panel solar dapat disejukkan secara semula jadi menerusi penyerapan haba daripada cendawan," terangnya.

Untuk makluman, cendawan tiram yang dituai kemudian dipek secara vakum sebelum dipasarkan ke kedai-kedai makan serta kakitangan UPM.

Ujarnya lagi, pihaknya juga berjaya menghasilkan makanan haiwan ternakan daripada sisa buangan cendawan tiram.

Terangnya, inovasi tersebut secara tidak langsung dapat mengatasi masalah kebergantungan penternak haiwan tempatan terhadap jagung import.

"Selepas dituai, kami dapati terdapat sisa buangan berupa akar cendawan. Dari situ, kami beri kepada haiwan ternakan sebagai sumber makanan.

"Akarnya mempunyai kandungan yang protien tinggi.

"Buat masa ini, kami beri secara terus akar cendawan kepada haiwan ternakan seperti kambing dan ayam.

"Mungkin selepas ini, ia diproses menjadi palet sebelum diberikan kepada haiwan ternakan," terangnya.



CENDAWAN tiram di bawah panel solar PV tumbuh lebih besar berbanding persekitaran biasa.